

Kedah mahu rampas tanah ditanam pokok ketum

Kerajaan negeri kaji tindakan tegas atasi kegiatan semakin berleluasa

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Kerajaan negeri bercadang merampas tanah milik penduduk tempatan yang diusahakan dengan tanaman pokok ketum kerana ia melanggar syarat pemilikan tanah yang ditetapkan.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Dr Mohd Hayati Othman, berkata langkah itu antara cadangan yang dibuat bagi mengekang kegiatan penanaman ketum yang didapati semakin berleluasa ketika ini.

Selain itu katanya, kerajaan negeri juga merancang untuk tidak memberi pemilikan tanah secara terus kepada pemohon yang didapati mengusahakan tanaman pokok ketum di tanah berstatus Lesen Pendudukan Sementara (LPS).

“Disebabkan isu tanah yang ditanam ketum ini, kerajaan

negeri pada mesyuarat jawatankuasa khas tanah buat peraturan khas bahawa tanah LPS tidak boleh ditanam pokok ketum.

“Peraturan ini ada dalam senarai syarat pemberi milikan. Jika mereka tanam ketum juga, kerajaan negeri tidak akan beri milikan terus selepas mereka buat permohonan pemilikan,” katanya kepada *BH*.

BH kelmarin mendedahkan kegiatan penanaman ketum yang kembali berleluasa di negeri itu apabila semakin banyak tanah pertanian milik penduduk tempatan kini ditanam tumbuhan itu dan diusahakan secara berskala besar.

Lebih mengejutkan apabila tinjauan mendapati, ada kebun ketum diusahakan secara moden dan sistematik, termasuk mempunyai sistem saliran serta alat penyiram automatik yang dipasang di kawasan tanaman bagi memastikan daunnya tidak kering.

Dr Mohd Hayati berkata, bagi menangani isu salah guna ketum, pihaknya turut melakukan perbincangan bersama Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) dari semasa ke semasa.

Katanya, terdapat dua jawatankuasa peringkat pusat ditubuhkan untuk mengkaji secara

mendalam isu terbabit iaitu di bawah Kementerian Kesihatan (KKM) serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Mengulas mengenai saranan supaya kerajaan negeri memperkenalkan lesen khas kepada pengusaha ketum, beliau menegaskan, pihaknya tidak bercadang

berbuat demikian kerana ia tidak akan membantu mengurangkan penyalahgunaan ketum dalam masyarakat.

“Kita tak akan beri lesen khas seperti yang dicadangkan. Apa yang kita buat sekarang, kita sedang fikir untuk tarik balik pemilikan tanah individu yang menanam ketum,” katanya.

Terdahulu, Setiausaha Persatuan Pengguna Kedah (CAKE), Mohd Yusrizal Yusoff, mencadangkan kerajaan Kedah memperkenalkan lesen khas kepada pengusaha ladang ketum yang dilihat mampu mengawal kegiatan penanaman tanaman itu yang didapati semakin berleluasa di negeri ini.

Lesen khas itu mungkin hanya boleh dikeluarkan pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) atau KKM, sekali gus kawalan ketat ke atas aktiviti penanaman ketum dapat dibuat secara lebih menyeluruh.



Dr Mohd Hayati Othman